

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

BERSEMPENA

**PERHIMPUNAN BULANAN BERSAMA TKSUK JPM
BULAN NOVEMBER 2019**

TEMA: INTEGRITI DI HATI

TARIKH : 27 NOVEMBER 2019

MASA : 8.30 PAGI

**TEMPAT : AUDITORIUM PERDANA
BLOK B1, KOMPLEKS JPM**

Bismillahirrahmanirrahim,

Yang Berusaha Encik Mohammad bin Ismail,
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan dan Kewangan) JPM,

Yang Berusaha Puan Salwani binti Ismail,
Setiausaha Bahagian, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik,

Yang Berusaha Encik Izzad Zalman bin Abd Kader,
Ketua Komunikasi Korporat, Unit Komunikasi Korporat,

Dan

Yang Berusaha Encik Rosli bin Abd Rahman,
Ketua Unit Integriti

selaku penganjur bersama perhimpunan kita pada pagi ini.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Yang Berbahagia Tan Sri, Datuk-Datuk, Ketua-Ketua Jabatan, Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama pada pagi yang ceria ini dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi bulan November 2019 bersamaan bulan Rabiul Awwal 1441H. Perhimpunan kita pada kali ini juga adalah bersempena dengan Bulan Integriti yang disambut

pada November setiap tahun. Tema yang telah dipilih pada perhimpunan kali ini adalah “**Integriti Di Hati**”.

PENGHARGAAN KEPADA WARGA JPM

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima-penerima anugerah dan penghargaan di majlis kita pada pagi ini, dan ia merupakan pencapaian yang amat membanggakan. Semoga pengiktirafan ini menjadi motivasi kepada kita semua dan menjadi penanda aras untuk terus komited dan memupuk semangat integriti sebagai penjawat awam di Malaysia.
3. Tahniah juga diucapkan kepada Bahagian dan warga JPM yang menerima Anugerah Peminjam Paling Aktif Perpustakaan pada kali ini. Saya berharap agar budaya membaca dan berkongsi ilmu dapat sentiasa dijadikan gaya hidup dan amalan penjawat awam sekalian. Saya ingin menyeru supaya warga JPM sentiasa mengambil masa dan ruang untuk membaca bagi menambah ilmu pengetahuan menerusi sumber-sumber ilmu bacaan yang mempunyai kepakaran, penyelidikan serta sahih.
4. Baru-baru ini juga kita telah melancarkan Lanai@JPM iaitu ruang bacaan untuk warga JPM yang terletak bersebelahan Kafe Blok B1. Ruang tersebut boleh digunakan sebagai ruang bacaan secara santai yang boleh diakses pada setiap masa.

5. Ucapan penghargaan saya juga ditujukan kepada Ketua Komunikasi Korporat, Encik Izzad Zalman, atas sesi perkongsian ilmu yang pertama kali diadakan di majlis perhimpunan ini. Semoga sesi perkongsian ilmu ini bakal menjadi tradisi kita warga JPM dalam pertukaran buah fikiran bersama Ketua-ketua Jabatan dan Bahagian kepada pegawai-pegawai di bawah tanggungjawab anda. Saya mengharapkan agar Ketua-Ketua Jabatan yang terpilih dapat mengambil peluang ini untuk berkongsi pengalaman yang pernah dilalui, topik dan perkara-perkara yang pernah dibaca yang boleh dijadikan sebagai panduan bersama. Kita jadikan perhimpunan ini sebagai platform untuk menzahirkan apa yang kita telah lalui dengan meraikan pencapaian ini secara bersama.
6. Pada bulan Oktober yang lepas kita telah mengadakan Hari Inovasi dan Kecemerlangan Peringkat JPM (HIK JPM) dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua Jawatankuasa yang terlibat dalam penganjurian HIK JPM ini di atas kelancaran majlis yang telah diadakan pada 31 Oktober 2019 yang lalu. Semoga HIK pada masa akan datang dapat terus meraikan idea-idea inovatif dan kreatif yang akhirnya dapat mengukuhkan penyampaian perkhidmatan dan kualiti kerja kita sebagai penjawat awam.
7. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada semua yang telah menyertai dan yang telah menerima anugerah sebagai pemenang di majlis tersebut. Saya telah memohon Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, JPM untuk meneruskan program-program yang berkaitan dengan inovasi ini bagi

memastikan inovasi-inovasi yang dihasilkan dapat dijadikan sebagai panduan dan diguna pakai pada masa akan datang.

8. Kepada warga JPM yang baharu, saya ucapkan selamat datang ke Jabatan Perdana Menteri. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan dapat mencurahkan khidmat bakti cemerlang tuan puan di Jabatan kita ini dengan penuh komitmen bagi merealisasikan aspirasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dalam pembaharuan tadbir urus yang lebih berintegriti dan baik.
9. Tidak dilupakan kepada warga JPM yang telah bertukar, saya mewakili semua warga JPM menzahirkan ucapan terima kasih di atas segala jasa bakti dan komitmen yang telah tuan puan tunjukkan sepanjang berkhidmat di sini. Saya berharap segala ilmu dan pengalaman yang diperoleh di sini akan dibawa ke tempat baharu untuk dipraktikkan.

Yang Berbahagia Tan Sri, Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

10. Bersempena dengan perhimpunan bulanan yang terakhir pada tahun ini, saya ingin menyeru kepada semua agar memberi tumpuan akan urusan-urusan yang perlu diselesaikan dengan segera pada penghujung tahun. Antaranya adalah perkara-perkara yang berkaitan dengan:

- a. KPI serta Sasaran Kerja Tahunan dalam memastikan semuanya dapat dipatuhi dan dipenuhi dengan sepenuhnya supaya ia boleh dijadikan asas kepada penilaian prestasi tuan-tuan dan puan-puan untuk tahun ini.
- b. Urusan yang berkaitan LNPT perlu diselesaikan dengan segera mengikut jadual yang telah ditetapkan.
- c. Modul-modul di dalam sistem HRMIS perlu diselesaikan dan disempurnakan supaya data-data sentiasa dikemaskini untuk digunakan oleh pihak-pihak tertentu dalam urusan perkhidmatan awam.
- d. Urusan-urusan kewangan dapat diselesaikan dengan segera sebelum tempoh penutupan akaun bagi mengelakkan daripada kita membuat pembayaran di bawah AP58.
- e. Pengurusan cuti yang sistematik di penghujung tahun 2019 ini bagi memastikan tugas-tugas kita tidak akan terjejas terutamanya dalam tempoh ramai yang akan bercuti nanti.

PENUTUP

- 11. Pada pagi ini juga, kita akan mendengar perkongsian ilmu yang akan disampaikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed, Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC). Semoga apa yang disampaikan oleh

beliau nanti dapat kita sama-sama manfaatkan ke arah pengukuhan dan penghayatan “Integriti Di Hati”, In Shaa Allah.

Sekian. Terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalaamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh.